



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL PLANNING
KOD KURSUS : DPI3203
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: BAHAGIAN A (100 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Bincangkan **enam (6)** proses yang terlibat di dalam perancangan kewangan.
(12 markah)
- b. Bezakan **empat (4)** ciri di antara zakat dan cukai.
(8 markah)

SOALAN 2

- a. Terangkan **lima (5)** proses pengurusan risiko.
(10 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** prinsip utama operasi takaful.
(10 markah)

SOALAN 3

Encik Hassan merupakan seorang pegawai di Syarikat Amin Amena. Beliau mempunyai empat anak (dengan RM 1,000 pelepasan cukai bagi setiap seorang) dan seorang isteri. Berikut merupakan butiran berkenaan pendapatan dan simpanan bulanan Encik Hassan :

Butiran	Jumlah (RM)
Potongan kepada KWSP	200
Gaji	7,500
Elaun	200
Sumbangan kepada ibu bapa	750
Sumbangan kepada Lembaga Tabung Haji	100
Hasil sewaan	1,500
Sumbangan kepada koperasi	180
Bonus	30% dari gaji bulanan

a. Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar atas pendapatan jika nisab ialah RM22,540.43 (Tunjukkan semua jalan pengiraan)

(10 markah)

b. Terangkan **lima (5)** kepentingan berwasiat.

(10 markah)

SOALAN 4

Encik Ameerul yang sudah berkahwin, bekerja di sebuah institusi kewangan menerima gaji sebanyak RM7,000 sebulan. Beliau mempunyai seorang isteri dan tiga orang anak. Anak sulung beliau, merupakan penuntut di sebuah kolej swasta di Terengganu dan merupakan orang kurang upaya (OKU). Anak kedua dan ketiga beliau berumur 18 dan 13 tahun. Maklumat berikut, adalah penting untuk Encik Ameerul dalam menganggarkan cukai pendapatan :

Bil.	Aktiviti / Potongan	Jumlah (RM)
1	Perlindungan untuk takaful keluarga	7,000
2	Simpanan untuk anak-anak di Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	2,500
3	Rawatan perubatan untuk bapa di Pusat Perubatan KL	4,000
4	Pembelian buku dan majalah	1,500
5	Pembelian peralatan sukan	300
6	Bayaran bagi yuran pendidikan dalam program yang diluluskan pengajian	5,000
7	Pembelian komputer peribadi	3,500
8	Yuran pendidikan isteri	15,000
9	Pembelian tablet	2,500
10	Pembelian surat khabar Sinar Bulanan	500
11	Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	500

Jadual 1

Termasuk pelepasan persendirian, kirakan cukai pendapatan Encik Ameerul bagi tahun asas 2019.

(20 markah)

SOALAN 5

a. Jelaskan **tiga (3)** faktor yang perlu diambil kira oleh pelabur sebelum melabur dalam sebarang bentuk pelaburan.

(6 markah)

b. Bezakan di antara *sadaqah* dan *waqaf* berserta contoh aplikasinya di negeri Johor.

(14 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN 1

Kadar Cukai Pendapatan

Tahun Taksiran 2018-2019

Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai(RM)
0 - 5,000	5,000 berikutnya	0	0
5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	8	600 1,200
50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	14	1,800 2,800
70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	4,600 6,300
100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	10,900 36,000
250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	46,900 36,750
400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	83,650 50,000
600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	133,650 104,000
Melebihi 1,000,000	1,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	237,650

LAMPIRAN 2*Manfaat Kereta (Motorcar Benefit)*

<i>Cost of Car When New</i> [Kos Kereta Baru] (RM)	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)	<i>Fuel per Annum</i> [Minyak Setahun] (RM)
<i>Up to [Sehingga] 50,000</i>	1,200	600
50,001 – 75,000	2,400	900
75,001 – 100,000	3,600	1,200
100,001 – 150,000	5,000	1,500
150,001 – 200,000	7,000	1,800
200,001 – 250,000	9,000	2,100
250,001 – 350,000	15,000	2,400
350,001 – 500,000	21,250	2,700
<i>500,001 and above [dan keatas]</i>	25,000	3,000

LAMPIRAN 3

Manfaat Perabut (*Furniture Benefit*)

<i>Category</i> [Kategori]	<i>Types of Benefit</i> [Jenis Faedah]	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)
i.	<i>Semi-furnished with basic furniture.</i> [Berperabut-semi dengan perabut asas.]	840
ii.	<i>Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.</i> [Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.]	1,680
iii.	<i>Fully-furnished</i> [Berperabut lengkap]	3,360